

# **TAKLIMAT PTPTN DAN PEMBUKAAN KAUNTER BANK SIMPANAN NASIONAL**

Oleh: Pn. Noora Md. Yusoff

Menyedari keperluan Unit Pinjaman untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih mesra dan terkini, satu inisiatif menyediakan kaunter BSN bagi tujuan pembelian NO PIN bagi tujuan permohonan pinjaman PTPTN telahpun dibuat pertama kalinya semasa sesi pendaftaran pelajar baru pengambilan Ijazah Sidang Akademik 2011/2012. Pembukaan kaunter yang mendapat kerjasama yang baik dari pihak BSN telahhoun dilihat sebagai satu mekanisma terbaik bagi memastikan kesemua pelajar bersedia dengan segala keperluan dan memohon pembiayaan PTPTN dalam tempoh masa yang ditetapkan tanpa sebarang masalah. Kesemua pelajar baru ini juga seteruskan diberikan taklimat khusus berkaitan Pembiayaan PTPTN, penaja dan hal-hal berkaitan kebijakan masing-masing sepanjang tempoh pengajian di UniMAP. Taklimat yang disampaikan oleh Puan noora Md Yusoff, Penolong Pendaftar, Unit Pinjaman dan Kebajikan, HEPA sempena program Minggu Suaikenal Sidang Akademik 2011/2012.